

NO. SOALAN : 62

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA

PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN HAJI WAN HASSAN BIN
MOHD RAMLI**

[DUNGUN]

**TARIKH : 4 JULAI 2019
MENJAWAB**

SOALAN NO. 62

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status kes inkues Mohd Adib Bin Abu Kasim setakat ini.

JAWAPAN

1. Kes ini ditetapkan untuk sambung bicara pada 3 hingga 5 Julai 2019 dan 16 hingga 17 Julai 2019.
2. Tiga orang Peguam Kanan Persekutuan daripada Jabatan Peguam Negara akan mewakili Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.
3. Peguam yang mewakili keluarga si mati akan memanggil semula Prof. Dr. Shahrom bin Abd Wahid untuk memberikan keterangan lanjut pada tarikh-tarikh perbicaraan yang telah ditetapkan.
4. Koroner juga telah meminta pihak-pihak untuk menamakan pakar fizik yang akan hadir untuk memberikan keterangan di mahkamah bagi menjelaskan isu pengiraan daya kuasa yang terkena kepada si mati akibat dilanggar oleh van Unit Bantuan Perkhidmatan Kecemasan (EMRS).

Sekian, terima kasih .